

Tay Yong Choo
tyc79@yahoo.com

Yap Chin Huat
huat008@gmail.com

1. TAJUK INOVASI

ToSVU (Bahasa Cina & Bahasa Melayu)
(Tempat Kedua Kategori Pensyarah)

2. OBJEKTIF

Objektif inovasi ini adalah untuk:

- a. Menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan *WeChat* bagi kursus pengajaran kurikulum Bahasa Cina dan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar PISMP.
- b. Meningkatkan penyertaan dan tumpuan pelajar PISMP dalam kuliah kursus pengajaran kurikulum Bahasa Cina dan Bahasa Melayu melalui penggunaan *WeChat*.

3. KEDUDUKAN SEBELUM INOVASI DILAKSANAKAN

Selama ini, pengendalian aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah kebiasaannya menggunakan LCD projektor dan komputer sahaja. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran hanya boleh dilaksanakan di dalam bilik kuliah tetapi bukan di luar bilik kuliah. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran terkongkong oleh bahan bantu mengajar yang mengehendak proses pengajaran dan pembelajaran hanya boleh berlangsung di bilik kuliah sahaja.

Pedagogi abad ke-21 menekankan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan inovatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tetapi, realitinya keadaan tidak seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di mana proses pengajaran dan pembelajaran hanya berubah dari “chalk & talk” kepada penggunaan komputer dan LCD projektor serta rangkaian internet sahaja. Keadaan ini tidak selaras sepenuhnya dengan Anjakan Ketujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) yang bertujuan untuk memanfaatkan TMK bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.

4. MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI

Kami mendapati tumpuan pelajar pada permulaan sesi pengajaran dan pembelajaran adalah baik tetapi bukannya pada pertengahan proses pengajaran dan pembelajaran. Tumpuan mereka tidak kekal menyebabkan hasil pembelajaran tidak begitu memberangsangkan. Pelajar hanya dapat menumpukan perhatian pada masa 30 minit pertama dan selepas itu, mereka akan hilang tumpuan sepenuhnya. Menurut James (1890), tumpuan itu adalah terhad kerana manusia hanya mampu tertumpu pada satu perkara dalam satu masa. Penumpuan juga mempunyai sifat terpilih kerana manusia boleh memilih sesuatu tumpuan pada satu masa dan penumpuan juga sangat berkait rapat dengan konsep kesedaran yang merupakan satu situasi dalam apa-apa jua masa.

Masalah kritikal yang kami kenal pasti melalui pemerhatian semasa tinjauan awal ialah apabila pensyarah menyoal, pelajar menjawab, dan apabila pelajar menyoal, pensyarah pula menjawab. Ini adalah bentuk penglibatan pelajar yang lazim berlaku dalam bilik darjah. Jadual 1 merupakan catatan refleksi pengajaran dan pembelajaran pensyarah bagi kurikulum Bahasa Cina manakala Jadual 2 merupakan catatan refleksi pengajaran dan pembelajaran pensyarah bagi kurikulum Bahasa Melayu.

Jadual 1

Catatan Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Bagi Kurikulum Bahasa Cina

Minggu Tarikh	Tajuk dan Kandungan	Hasil Pembelajaran	Kuliah (jam)	Tutorial (jam)	ISL (jam)	Catatan
M3 1/7-5/7	阅读教学 a. 预期学习成果 辨识 b. 范畴和活动建议	1. 阐明小学华文课程纲要 PdP berlangsung dengan cara soal jawab dan pelajar tidak dapat menumpukan perhatian pada pertengahan sesi PdP.	概要讲述: 阅读教学预期学习成果的辨识 (2jam)	师生讨论: 阅读教学的范畴和活 动建议 是否有效地达 致其预期学习 成果。 (1jam)	以图表列出第一至第六学年的阅读教学的预期学习成果。	课堂教学如期进行。 随生以问答形式进行教学。 后半段学生开始不能集中注意力。

Jadual 2

Catatan Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Bagi Kurikulum Bahasa Melayu

Minggu Tarikh	Tajuk dan Kandungan	Hasil Pembelajaran	Kuliah (jam)	Tutorial (jam)	ISL (jam)	Catatan
M 2 29/06 – 03/07	Morfologi Bahasa Melayu ✓ Bentuk Kata -kata Tunggal -Kata Terbitan -Kata Ganda -Kata Majmuk	Menjelaskan bentuk kata, proses pembentukan kata dan golongan kata berdasarkan maklumat daripada pelbagai sumber.	(2jam)	(1jam)	3 jam (rujuk ISL No.1)	PdP berlangsung dengan cara soal jawab dan pelajar tidak dapat menumpu perhatian pada pertengahan sesi PdP.

5. INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN

5.1 Kaitan dengan PdP atau penyelidikan

Kami mendapati pelajar yang diajar oleh kami kesemuanya mempunyai telefon bimbit pintar yang mempunyai perkhidmatan untuk melayari internet. Telefon bimbit pintar merupakan keperluan bagi generasi muda kini dan tidak boleh tertinggal. Dengan ini, kami ingin mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan telefon bimbit pintar yang berperisian *WeChat* sebagai langkah penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran. Kebaikan penggunaan *WeChat* adalah dapat mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam atau di luar bilik kuliah. Ini berbeza daripada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tradisional iaitu proses pengajaran dan pembelajaran hanya berlangsung di dalam bilik kuliah sahaja. Ini merupakan suatu inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran selaras dengan Pedagogi Abad Ke-21 yang menekankan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam penyampaian kandungan pengajaran dan pembelajaran melalui sumber perantaraan telefon bimbit pintar dan *WeChat apps*.

5.2 Deskripsi inovasi

Inovasi pengajaran dan pembelajaran ini melibatkan penggunaan telefon bimbit pintar dan *WeChat apps* yang boleh dimuat turun dari *play store* secara percuma. Penggunaan telefon bimbit pintar dan *WeChat* dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan

langkah inovasi dalam bidang pendidikan kerana kebiasaannya ia digunakan untuk tujuan berkomunikasi sesama manusia sahaja tetapi jarang digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Selaras dengan perubahan situasi semasa sama ada dari segi persekitaran pengajaran dan pembelajaran, pedagogi, perkembangan teknologi maklumat, faktor pelajar dan seumpamanya, kaedah pengajaran dan pembelajaran inovasi ini boleh dikatakan satu pendekatan transformasi dalam bidang pendidikan selaras dengan Pedagogi Abad Ke-21.

5.3 Tarikh dan kos

Kos perbelanjaan untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran boleh dikatakan sifar kerana telefon bimbit pintar pelajar sedia ada perkhidmatan melayari internet dan diizinkan untuk membawa ke kuliah. Tambahan pula, pihak institut juga menyediakan perkhidmatan melayari internet iaitu *WiFi* untuk kegunaan semua pelajar secara percuma. Oleh itu, inovasi pengajaran dan pembelajaran ini tidak melibatkan kos tambahan untuk pelajar mahupun pensyarah.

5.4 Strategi penggunaan inovasi

Berikut adalah langkah-langkah ToSVU bagi aplikasi penggunaan *WeChat* melalui telefon bimbit pintar sebagai sumber perantaraan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum Bahasa Cina dan Bahasa Melayu.

Langkah 1: *Touch*

Untuk memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran, pelajar akan "*touch*" pada skrin telefon bimbit pintar bagi memasuki "*Chat* Kumpulan."

Langkah 2: *Select*

Seterusnya, pelajar akan "*select*" kandungan yang akan disampaikan dalam atau luar kuliah dan memaparnya melalui perisian *WeChat*.

Langkah 3: *View*

Sesi pengajaran dan pembelajaran bermula dengan pelajar melihat pada paparan kandungan melalui perisian *WeChat*.

Langkah 4: *Use*

Sesi pengajaran dan pembelajaran kuliah bukan sahaja bermula dengan hanya merujuk kepada kandungan dalam paparan *WeChat* tetapi juga merupakan sumber perantaraan bagi aktiviti perbincangan, soal jawab dan tutorial.

5.5 Keadaan selepas inovasi

Secara keseluruhan, penggunaan *WeChat* dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah menunjukkan kesan yang positif. Penggunaan *WeChat* telah membolehkan kami memantapkan lagi kaedah pengajaran kami semasa berinteraksi dengan pelajar. Rajah 1 dan 2 merupakan catatan nota lapangan tentang proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan telefon bimbit pintar berperisian *WeChat*.

Aktiviti : Penggunaan "*Wechat*" dalam pengajaran dan pembelajaran
catatan :
Kami telah menggunakan "*Wechat*" untuk sesi pengajaran dan pembelajaran di luar kelas. Kelihatan di muka mereka perasaan **seronok** menggunakan telefon bimbit untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran dengan "*Wechat*". Mereka mengikuti kuliah sambil menekan paparan slaid dengan "*Wechat*". Mereka **minat** dan **memberi respon** kepada pensyarah.

Rajah 1: Catatan Nota Lapangan Bagi Kurikulum Bahasa Cina.

Aktiviti : Penggunaan "*Wechat*" dalam PdP
catatan :
Kami telah menggunakan "*Wechat*" untuk sesi PdP di dalam kelas. kelihatan mereka berasa **seronok** menggunakan telefon bimbit pintar untuk menjalankan P&P dengan "*Wechat*". Mereka mengikuti kuliah sambil menekan paparan slaid dalam "*Wechat*". Mereka **minat** dan memberi **respon positif** kepada pensyarah.

Rajah 2: Catatan Nota Lapangan Bagi Kurikulum Bahasa Melayu.

Catatan nota lapangan bagi kedua-dua kurikulum telah menunjukkan bahawa pelajar berminat dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran begini dan memberi respon yang memberangsangkan di mana pelajar memberi reaksi seronok semasa pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran dengan kaedah inovasi ini. Rajah 3 menunjukkan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam dan di luar bilik kuliah.



Rajah 3. Pelaksanaan Proses Pengajaran dan Pembelajaran Di Dalam dan Di Luar Bilik Kuliah

Penggunaan telefon bimbit pintar berperisian *WeChat* dalam proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja membolehkan kuliah berlangsung di dalam bilik kuliah malah di luar bilik kuliah. Ini membolehkan pensyarah dan pelajar melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih bebas dari segi lokasi. Rajah 4 dan 5 merupakan maklumat temu bual dengan pelajar selepas pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran dengan telefon bimbit pintar berperisian *WeChat*.

Kami : Awak rasa seronok tak apabila cikgu mengajar menggunakan *WeChat*?

Peserta X: **Seronok**, kerana tidak pernah pun ada penggunaan teknik ini dalam pengajaran.

Kami : Awak rasa sesuai dan senang tak untuk mengadakan sesi kuliah dalam *WeChat* ini?

Peserta X: Ya, **sesuai** dan **senang**.

Rajah 4. Respon Pelajar Kurikulum Bahasa Cina Semasa Temu Bual.

Kami : Awak rasa seronok tak apabila cikgu mengajar menggunakan *WeChat*?

Peserta X: **Seronok**, kerana **tidak pernah** pun ada penggunaan **teknik ini** dalam pengajaran. Ini juga **sangat luar biasa** dengan kaedah sebelum ini.

Kami : Awak rasa sesuai dan senang tak untuk mengadakan sesi kuliah dalam *WeChat* ini?

Peserta X: Ya, **sesuai** dan **senang**. Lagipun ada **banyak sticker animasi** dapat **diperolehi** apabila saya dapat menjawab soalan kuiz. Saya amat **suka** menggunakan perisian ini dalam kuliah ini. **Tidak bosan**.

Rajah 5. Respon Pelajar Kurikulum Bahasa Melayu Semasa Temu Bual.

Respon pelajar telah memberi gambaran bahawa penggunaan telefon bimbit pintar berperisian *WeChat* dalam proses pengajaran dan pembelajaran memang sesuai dan senang dalam pengoperasian proses pengajaran dan pembelajaran. Ekoran daripada itu, pelajar berasa seronok dan tidak bosan untuk belajar. Ini memupuk minat pelajar untuk mengikuti pengajaran kami. Rajah 6 merupakan borang maklum balas yang diedarkan kepada pelajar.

Bulatkan jawapan berikut:

Bil	Pernyataan	STS	TS
KS	S	SS	

1. Saya suka menghadiri kuliah yang diajar dengan penggunaan "WeChat" .
2. Saya menumpukan perhatian di dalam/ luar kelas yang diajar dengan penggunaan "WeChat" .
3. Saya menghayati segala contoh, simulasi dan analogi yang ditunjukkan oleh pensyarah.
4. Saya tidak mudah berasa bosan semasa pembelajaran berlangsung.
5. Saya mudah faham dengan gambar rajah/ slaid yang dipaparkan di dalam "WeChat" semasa pengajaran.
6. Penggunaan "Wechat" dalam proses PdP amat seronok.
7. Saya mendapati penggunaan "Wechat" dalam pengajaran pensyarah telah meningkatkan minat saya terhadap pengajaran pensyarah berbanding dengan kaedah pengajaran biasa.
8. Penggunaan "Wechat" ini meningkatkan penglibatan saya dalam mencari Ilmu.
9. Penggunaan "Wechat" sesuai dijalankan untuk subjek Bahasa Cina dan Bahasa Melayu.

Rajah 6. Borang Maklum Balas.

Terdapat sembilan soalan dalam borang maklum balas untuk dijawab oleh pelajar bagi mendapatkan respon pelajar terhadap penggunaan telefon bimbit pintar berperisian *WeChat* dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jadual 3 menunjukkan respon pelajar kurikulum Bahasa Cina terhadap penggunaan telefon bimbit pintar berperisian *WeChat*.

Jadual 3

Respon Pelajar Kurikulum Bahasa Cina Terhadap Penggunaan Telefon Bimbit Pintar Berperisian WeChat

Item	Sangat Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
1	96	4
2	92	8
3	92	8
4	96	4
5	96	4
6	96	4
7	96	4
8	96	4
9	96	4

Daripada respon pelajar kurikulum Bahasa Cina, didapati bahawa penggunaan telefon bimbit pintar berperisian *WeChat* memang sesuai dan menyeronokkan untuk dijadikan sumber alternatif dalam proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Jadual 4 menunjukkan respon pelajar kurikulum Bahasa Melayu terhadap penggunaan telefon bimbit pintar berperisian *WeChat*.

Jadual 4

Respon Pelajar Kurikulum Bahasa Melayu Terhadap Penggunaan Telefon Bimbit Pintar Berperisian WeChat.

Item	Sangat Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
1	93	7
2	93	7
3	93	7
4	100	-
5	93	7
6	93	7
7	93	7
8	86	14
9	86	14

Respon pelajar kurikulum Bahasa Melayu juga menunjukkan bahawa penggunaan telefon bimbit pintar berperisian *WeChat* memang sesuai dan menyeronokkan untuk dijadikan sumber alternatif dalam proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

Keseluruhannya, pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan telefon bimbit pintar berperisian *WeChat* amat memberangsangkan dan menyeronokkan, seterusnya meningkatkan tumpuan dan minat pelajar untuk mengikuti kuliah kami.

5.6 Perkongsian inovasi

Kami telah berkongsi kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui telefon bimbit pintar ini kepada 2 kumpulan pelajar PISMP jurusan Bahasa Cina dan Bahasa Melayu dengan bilangan pelajar masing-masing seramai 25 orang dan 14 orang.

Kami juga telah menerbitkan dapatan kajian dalam Jurnal Penyelidikan Tindakan Tahun 2014, Jilid 8, Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang untuk rujukan semua warga institut.

Selain itu, kami telah memakalahkan dapatan di Seminar Kebangsaan Kaedah Kajian dalam Pendidikan (SKKKdP) 2015 dengan tema “Ke Arah Memantapkan Metodologi dalam Penyelidikan Pendidikan” pada 29 Julai 2015 di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang yang merupakan anjuran bersama Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Institut Pendidikan Guru Zon Sarawak iaitu IPG Kampus Batu Lintang, IPG Kampus Tun Abdul Razak, IPG Kampus Sarawak dan IPG Kampus Rajang.

Pada tahun yang sama, kami telah memakalahkan dapatan di Seminar Antarabangsa Penyelidikan Pendidikan Memartabatkan Bahasa Melayu (MBM) yang bertema “Melestarikan Bahasa Melayu Abad Ke-21” pada 2 hingga 4 September 2015 di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak yang merupakan anjuran bersama Institut Pendidikan Guru Malaysia, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universitas Tanjungpura Pontianak, Indonesia.

6. FAEDAH-FAEDAH DARIPADA INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN

Faedah-faedah pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan telefon bimbit pintar berperisian *WeChat* boleh dilihat dari dua aspek iaitu penyertaan pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dan kaedah alternatif dalam proses penyampaian kandungan pelajaran.

Dari aspek penyertaan pelajar, selepas pelaksanaan kaedah inovasi ini, didapati pelajar lebih menumpukan perhatian semasa kuliah berlangsung berbanding dengan keadaan sebelum ini. Pelajar juga berasa lebih seronok di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Dari aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran pula, inovasi ini telah menyediakan satu alternatif baharu buat para pendidik dalam proses penyampaian kandungan pelajaran kepada pelajar. Ini selaras dengan Anjakan Ke-7 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.

Rujukan

- Donald, J. L. (2003). *Wireless messaging demystified: SMS, EMS, MMS, IM, and Others*. United States: McGraw-Hill Professional.
- Fleischman, J. (2001). Going mobile: New technologies in education, Converge magazine.
- Hamdan, A., Din, R. & Abdul Manaf, S. Z. (2012). Penerimaan M-pembelajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia melalui the unified theory of acceptance and use of technology (UTAUT): Satu analisis literatur. kertas dibentangi di *1st International Conference on Mobile Learning, Applications, and Services. 18-20 September 2012. Hotel Hatten, Melaka.*
- James, W. (1890). *Principle of Psychology*. New York: Holt. Diakses daripada digilib.unimed.ac.id/.../UNIMED-Proceeding-31604
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kolahi, S. S. (2002). *Evolution towards third generation wireless networks*. Kertas kerja dibentangi pada 15th di annual conference of the National Advisory Committee on Computing Qualifications: Technology and Innovation: New Understandings and Influences. 2-5 July, Hamilton, New Zealand.
- Lim, K. H. (2000). *Pungutan data kualitatif melalui pemerhatian*. Kertas kerja disampaikan pada Kursus Pendek Kelolaan Maktab “*Pemerhatian Koperatif berasaskan Kajian Tindakan*”, Jun 2000. Kota Samarahan: Maktab Perguruan samarahan, Sarawak.
- Metcalf, D., Milrad, M., Cheek, D., Raasch, S., & Hamilton, A. (2008). My sports pulse: Increasing students’ interest in STEM disciplines through sports themes, games and mobile technologies, *Proceedings of WMUTE’08, IEE*, Computer Society, 23-30.
- Wood, K. (2003). *Introduction to mobile learning (m-learning)*. Dimuat turun pada 20 Februari 2012 dari <http://ferl.becta.org.uk/display.cfm>
- Zurita, G. & Nussbaum, M. (2004). A constructivist mobile learning environment supported by a wireless handheld network. *Journal of Computer Assisted Learning*, 20 (4), 235–243.